

21 MAY 1996

YONG AKAN DILANTIK TIDAK LAMA LAGI, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata semua masalah berkaitan dengan perlantikan Datuk Yong Teck Lee sebagai Ketua Menteri Sabah telah hampir diselesaikan.

Beliau berkata semuanya sepatutnya berjalan dengan baik dan Yong dijangka memulakan jawatannya sebagai ketua menteri sedikit masa lagi.

Ketika bercakap kepada pemberita di ruang legar Parlimen tengah hari ini, Anwar berkata: "Tidak ada lagi masalah yang berbangkit mengenai perlantikan Yong."

Apabila ditanya apa yang dibincangkan dalam pertemuan Yong dengan beliau di pejabat beliau selama 30 minit pagi ini, Anwar berkata "mengenai butir-butir lanjut."

Ketika ditanya sama ada perlantikan Yong akan dibuat selepas kepulangan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad daripada lawatan kerja ke luar negara, Anwar berkata; "Mungkin." -- BERNAMA

ZAB HS WAT